

**NO SOALAN : 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR TAN KEE KWONG  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**DATO' DR TAN KEE KWONG [ WANGSA MAJU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status terkini dengan saham FGV dan apakah langkah-langkah baik pulih syarikat berkenaan.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saham FGV ditutup pada harga RM1.78 pada sesi dagangan 2 November 2015. Saham FGV ketika ini bergerak sekitar RM1.50 hingga RM1.70 sesaham.

Faktor kejatuhan saham FGV ditentukan oleh pasaran dan keyakinan pelabur. FGV merupakan sebuah kumpulan perladangan yang mana lebih 70% dari pendapatannya adalah daripada sektor ladang, sekali gus berkait rapat dengan pergerakan harga komoditi dunia.

Keadaan tidak menentu harga komoditi sawit telah menyebabkan kaunter saham FGV dan syarikat-syarikat komoditi sawit lain mencatatkan penurunan. Namun, FGV tetap komited meneruskan perancangan transformasinya bagi menambahbaik operasi kumpulan secara menyeluruh.

Perniagaan perladangan seperti sawit adalah bersifat jangka panjang dan mempunyai kitaran naik turun. Walaupun ketika ini harga komoditi tidak menentu, tetapi ianya tidak akan kekal dan akan kembali naik dalam tempoh masa tertentu.

Untuk kekal kukuh dalam keadaan persekitaran yang mencabar ketika ini, FGV sedang fokus dalam perancangan penambahbaikan dan pelan transformasi lima tahun sehingga 2020. Berikut adalah aktiviti utama yang dilakukan oleh FGV untuk mencapai matlamat yang telah dirancang :

- FGV fokus kepada usaha meningkatkan perolehan. Pada 2015, FGV telah mewujudkan model perniagaan baharu dan sistem tol.
- Syarikat baharu, FGVT telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan mencatatkan peningkatan daripada RM200 juta pada suku pertama 2014 kepada RM532 juta pada suku kedua 2015. FGV menjangka FGVT akan menjadi penyumbang perolehan terbesar kepada dan stabil kepada kumpulan.
- Dalam peringkat operasi, FGV sedang berusaha menambahbaik dalam usaha mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti serta rundingan semula kontrak untuk nilai lebih baik.
- Selain itu, FGV juga sedang melaksanakan program Amalan Pengurusan Terbaik bagi meningkatkan hasil ladang sekali gus membantu mencapai matlamat kami untuk keberkesanan operasi dan mengoptimumkan kos di peringkat ladang.
- FGV juga terus komited melaksanakan program tanaman semula secara agresif untuk mencapai matlamat profil umur 60% matang, 20% muda dan 20% tua menjelang 2020. Selain tanaman semula

FGV juga melabur dalam ladang yang telah mengeluarkan hasil di rantau ini untuk mengukuhkan profil umur pokok.

FGV akan terus memberi komitmen terbaik untuk memacu kumpulan mencapai keuntungan untuk pemegang saham untuk jangka masa panjang. Segala perancangan yang diatur dijangka mampu memulihkan semula keyakinan pelabur sekali gus memberi... impak kepada pergerakan saham.

Sekian. Terima kasih.